

07 AUG 2003

Sukan-Selat Inggeris/I

ABDUL MALIK AKAN TIBA DI KLIA ESOK

Oleh: Asan Ahmad

LONDON, 7 Ogos (Bernama) -- Perenang maraton negara Abdul Malik Mydin akan berlepas ke tanah air malam ini dengan penerbangan MH01 Penerbangan Malaysia.

Perenang berusia 28 tahun itu yang telah mengharumkan nama Malaysia berikutan kejayaannya berenang menyeberangi selat paling mencabar di dunia -- Selat Inggeris, akan berlepas dari Lapangan Terbang Heathrow di sini pada 10 malam waktu tempatan dan dijangka tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) pada pukul 6 petang esok (Jumaat).

Perenang kelahiran Pulau Pinang itu yang telah menempa nama dalam Malaysia Book of Records sebagai rakyat Malaysia pertama berjaya berenang menyeberangi selat itu, berkata beliau tidak sabar untuk pulang ke tanah air.

Abdul Malik yang telah berada di sini kira-kira tiga minggu berkata beliau mahu bertemu keluarganya yang telah memberikan sokongan penuh terhadap misinya itu serta rakyat Malaysia yang mendoakan kejayaan beliau.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada para penaja iaitu Malaysia Electronic Corporation (MEC), Genting Highlands Berhad, Yayasan Al-Bukhary, TNB, Eau Claire dan mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan projek ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein merupakan antara orang yang dijangka hadir untuk menyambut ketibaan Malik di KLIA.

Abdul Malik mencatatkan masa 17 jam 35 minit dengan meliputi jarak 58 kilometer iaitu bersamaan dengan jarak pergi balik dari Perancis ke England.

Beliau dijadual mendarat di Cap Gris Nez Calais, Perancis tetapi ekoran arus deras, tempat pendaratan beliau ditukar ke Wissant.

Beliau mendarat di garisan penamat di pantai Wissant pada pukul 3 pagi (waktu Malaysia) pada 4 Ogos.

Abdul Malik berkata beliau akan berehat selama dua bulan sebelum membuat perancangan bagi projek renang akan datang.

-- BERNAMA

AHA NM RHM